



KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN SEMASA FASA ENDEMIK

Bandar Seri Begawan, Ahad, 12 Disember 2021

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pengisytiharan Fasa Endemik di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 yang akan bermula pada **hari Rabu, 10 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 15 Disember 2021**, Jawatankuasa Pandu COVID-19 telah bersidang bagi menetapkan sukat-sukat atau garis panduan pelaksanaan Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*) yang akan **dilaksanakan selama satu (1) bulan, bermula hari Rabu, 15 Disember 2021 sehingga hari Juma'at, 14 Januari 2022**.

Sementara itu, sekatan pergerakan yang dilaksanakan semasa “Operasi Peralihan” iaitu arahan untuk berada di rumah/kediaman masing-masing dari jam 10.00 malam sehingga 4.00 pagi adalah dengan ini dilanjutkan sehingga **hari Juma'at, 14 Januari 2022**.

SUKAT-SUKAT ATAU GARIS PANDUAN BAGI FASA AWAL ENDEMIK

Sukat-sukat atau garis panduan bagi Fasa Awal Endemik adalah seperti berikut:

1. Semua individu adalah dibenarkan masuk ke premis-premis sama ada premis Kerajaan atau swasta, atau menghadiri majlis-majlis, tanpa mengira status vaksinasi. Ini adalah syarat am yang dikenakan bagi kemasukan ke premis-premis. Walau bagaimanapun,
 - Individu yang belum melengkapkan vaksinasi adalah dikehendaki untuk membuat ujian saringan *Antigen Rapid Test (ART)*, yang mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua (2) hari.
 - Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum menerima atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan masuk ke premis-premis tanpa memerlukan ujian ART, dengan syarat mereka ditemani oleh orang dewasa yang telah melengkapkan vaksinasi mereka.



Sementara itu, syarat-syarat khusus pula adalah seperti berikut:

2. Bagi perkumpulan ramai dan perkumpulan persendirian, had kapasiti adalah 75% daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah).
 - Perkhidmatan "*buffet*" semasa acara-acara dan di restoran-restoran adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, hidangan meja secara "*dome serving*" adalah dibenarkan bagi acara-acara keramaian. Pemberian bungkusan pek makanan untuk para jemputan adalah digalakkan.
3. Bagi masjid, surau dan balai ibadat: pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menerangkan lebih terperinci mengenai pengemaskinian garis panduan bagi perkara ini dalam sedikit masa lagi.
4. Bagi pejabat-pejabat Kerajaan,
 - Dibukakan dengan had 75% daripada kapasiti pejabat bagi pejabat-pejabat dan kaunter-kaunter perkhidmatan Kerajaan dengan melaksanakan *Business Continuity Plan (BCP)* masing-masing. Kapasiti ini termasuk kemuatan bagi para petugas dan orang ramai;
 - Waktu pejabat adalah mengikut waktu pejabat seperti biasa iaitu bermula **jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang**.
 - Kakitangan Kerajaan yang telah melengkapkan vaksinasi penuh hendaklah membuat ujian saringan ART secara berkala setiap dua (2) minggu yang mana kos ujian adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan;
 - Kakitangan Kerajaan yang belum mendapatkan atau melengkapkan suntikan vaksin adalah dibenarkan kembali bertugas di pejabat masing-masing dengan syarat mereka bekerja di ruang/kawasan yang tidak terdedah kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk membuat ujian ART yang mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah selama dua (2) hari. Tanggungan kos ujian adalah seperti berikut:



- i- Kakitangan yang baru mendapatkan satu (1) dos vaksin atau tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan, kos ujian ART akan ditanggung oleh pihak Kerajaan; dan
 - ii- Kakitangan yang memilih untuk tidak divaksinasi, atas pilihan sendiri atau sebab peribadi, akan menanggung sendiri kos ujian ART berkenaan. Mereka perlulah mendapatkan ujian ART dan sijil pengesahan yang negatif melalui Pusat ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan terlebih dahulu sebelum memasuki premis Kerajaan.
- Orang ramai – yang hendak datang berurusan ke pejabat-pejabat Kerajaan atau kaunter-kaunter perkhidmatan – yang belum melengkapkan vaksinasi mereka adalah dikehendaki untuk menunjukkan sijil keputusan ujian ART yang negatif, yang mana tempoh setiap ujian ART adalah sah selama dua (2) hari.
5. Bagi muzium, galeri, perpustakaan, dan pusat-pusat kegiatan orang tua,
- Dibukakan dengan had 75% daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah); dan
 - Waktu operasi bagi muzium, galeri dan perpustakaan ialah **dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.**
6. Bagi fasiliti dan aktiviti kecergasan dan rekreasi,
- Kesemua fasiliti kesukanan, kecergasan dan rekreasi sama ada terbuka atau tertutup adalah dibenarkan beroperasi dengan had 75% daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah);
 - Sukan tidak berkонтак (*non-contact sports*) adalah dibenarkan;
 - Sukan berkонтак (*contact sports*) adalah dibenarkan untuk tujuan *skills training* sahaja;
 - Perlawanan sukan tidak dibenarkan; dan



- Sungkup muka hendaklah dipakai pada setiap masa kecuali semasa melakukan aktiviti berintensiti tinggi.
7. Bagi premis-premis perniagaan termasuk restoran, kafe, *foodcourts*, panggung wayang, arked, taman permainan tertutup (*indoor playground*), premis-premis kecantikan (seperti salon dan kedai gunting), pasar dan tamu, fasiliti kesukanan dan sekolah muzik,
- Dibukakan dengan had kapasiti 75% daripada kapasiti premis atau 300 orang sahaja (yang mana lebih rendah);
 - Sekali lagi diingatkan bahawa perkhidmatan "*buffet*" semasa acara-acara dan di restoran-restoran adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, hidangan meja secara "*dome serving*" adalah dibenarkan bagi acara-acara keramaian. Pemberian bungkusan pek makanan untuk para jemputan adalah digalakkan; dan
 - Para pekerja kritikal di pejabat/premis perkilangan yang belum melengkapkan vaksinasi adalah dibenarkan untuk bertugas, dengan syarat mendapatkan keputusan ujian ART negatif, yang mana tempoh keputusan ujian adalah sah selama dua (2) hari. Pekerja berkenaan juga hanya boleh ditempatkan pada ruang/kawasan yang tidak terdedah kepada orang ramai.

Sesi Persekolahan

Sesi persekolahan bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan bermula pada **hari Isnin, 3 Januari 2022**, manakala sekolah-sekolah antarabangsa akan beroperasi mengikut kalender persekolahan masing-masing. Pada permulaannya, hanya pelajar-pelajar yang telah melengkapkan vaksinasi akan memulakan persekolahan secara fizikal dan pembukaan persekolahan seterusnya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, mengikut garis panduan yang telah disediakan. Keterangan lanjut mengenai perkara ini akan diumumkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam sedikit masa lagi.



Aktiviti Rentas Sempadan

Pengurangan sekatan aktiviti rentas sempadan iaitu **pembukaan semula perjalanan antarabangsa keluar dan masuk negara (*outbound and inbound*) bagi perjalanan tidak mustahak (*non-essential travel*) melalui pengangkutan udara** akan bermula pada **hari Sabtu, 1 Januari 2022**, dengan syarat-syarat berikut:

- Bagi perjalanan keluar negara, hanya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah melengkapkan dua (2) dos vaksinasi di antara 14 hari ke enam (6) bulan sebelum tarikh perjalanan, atau yang telah menerima dos penggalak (*booster*), dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara tanpa memerlukan kebenaran perjalanan keluar negara dari Jabatan Perdana Menteri. Pada masa ini, program suntikan dos penggalak (*booster*) diberikan keutamaan kepada para petugas barisan hadapan dan individu berumur 50 tahun keatas serta berisiko tinggi, dan InsyaAllah akan dibukakan kepada orang ramai yang layak menerima *booster* bermula hari Jumaat, 17 Disember 2021.
- Bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang belum boleh menerima suntikan vaksinasi atas sebab kesihatan, mereka boleh dipertimbangkan untuk perjalanan keluar negara atas sebab yang mustahak (*essential travel*). Walau bagaimanapun, mereka adalah dikehendaki untuk membuat permohonan kebenaran keluar negara daripada Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu;
- Bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam, hanya warganegara asing yang telah melengkapkan dua (2) dos vaksinasi yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization – WHO*) adalah dibenarkan masuk ke negara ini. Walau bagaimanapun, sesiapa yang telah melengkapkan dua (2) dos vaksinasi yang tidak diiktiraf oleh WHO boleh dipertimbangkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam atas urusan perjalanan mustahak (*essential travel*), tetapi akan dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat kesihatan bagi orang-orang yang tidak bervaksinasi seperti ujian swab dan menjalani kuarantin;



- Semua individu - termasuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam - yang hendak memasuki Negara ini adalah dikehendaki untuk mendapatkan keputusan negatif bagi ujian tambahan ART yang diambil tidak melebihi 24 jam sebelum bertolak dari negara asal. Ini adalah sebagai tambahan kepada syarat mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dijalankan tidak melebihi 48 jam sebelum bertolak dari negara asal. Walau bagaimanapun, bagi setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tidak dapat memenuhi syarat ini adalah dikehendaki menjalani **pengasingan diri mandatori** di hotel penginapan yang diisyiharkan semasa kembali ke negara ini pada sepanjang **tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan**.
- Insuran Kesihatan Perjalanan yang meliputi pandemik COVID-19 daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki bagi setiap rakyat dan penduduk yang akan keluar meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan bagi warga asing yang hendak masuk ke negara ini; dan
- Negara Brunei Darussalam akan memulakan **Travel Green List** semasa Fasa Awal Endemik secara percubaan dengan empat (4) buah negara terlebih dahulu iaitu **Australia, China, Singapura dan United Kingdom**, yang mana akan membenarkan warganegara asing daripada negara-negara berkenaan untuk membuat perjalanan tidak mustahak ke Negara ini. Walaubagaimanapun, mereka adalah dikehendaki menjalankan ujian ART pada hari ketiga (3) selepas sampai ke Negara ini, melalui Pusat-Pusat ART yang telah dibukakan.

Sementara itu, mereka yang akan masuk ke Negara Brunei Darussalam adalah masih dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri sama ada (1) di tempat kediaman (ataupun di hotel-hotel) bagi yang telah melengkapkan vaksinasi mereka; ataupun (2) di hotel-hotel yang diisyiharkan bagi yang tidak dibolehkan untuk bervaksinasi atas sebab kesihatan.

Manakala perjalanan keluar dan masuk negara melalui pos-pos kawalan darat dan laut adalah masih ditangguhkan.

Perincian lanjut mengenai syarat-syarat kesihatan seperti ujian swab RT-PCR, ujian ART dan kuarantin bagi perjalanan keluar dan masuk Negara



Brunei Darussalam akan dimaklumkan melalui garis panduan aktiviti rentas sempadan yang akan dikeluarkan bersama garis panduan yang lain dalam sedikit masa lagi.

FASA SETERUSNYA

Tertakluk kepada indikator-indikator pemantauan semasa pelaksanaan Fasa Awal Endemik nanti, khususnya indikator epidemiologi termasuk jumlah kes kritikal; kadar vaksinasi; dan kadar *bed occupancy* di pusat-pusat pengasingan, Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan seterusnya membuat persiapan untuk beralih kepada fasa berikutnya di mana sekatan-sekatan akan terus dikurangkan sehingga kita akan dapat kembali kepada keadaan kehidupan sebelumnya dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan seharian. Sukat-sukat pelaksanaan garis panduan fasa seterusnya akan dimaklumkan pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Pihak Kerajaan sangat mengambil berat akan kerisauan dan kekhawatiran orang ramai terhadap ancaman wabak COVID-19 semasa Fasa Peralihan termasuk kesejahteraan kanak-kanak dan mereka yang belum melengkapkan vaksinasi. Maka oleh itu, pihak Kerajaan telah melakukan sedaya upaya bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian telah dibuat bagi memelihara keselamatan dan keamanan rakyat dan penduduk Negara ini ke arah mewujudkan persekitaran yang aman damai dan harmoni, semata-mata untuk membolehkan negara ini untuk terus pulih dan keluar daripada situasi pandemik ini dan sekaligus membantu pemulihan ekonomi dan perniagaan, dengan harapan gangguan minimal kepada aktiviti harian masyarakat akan pulih secara beransur-ansur.

Dengan pengumuman ini dihasratkan dapat memberikan masa kepada pihak-pihak berkepentingan dalam membuat persediaan logistik sebelum bermulanya pemulihan-pemulihan yang telah ditetapkan, khususnya dalam memastikan pematuhan SOP dan garis panduan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19.

Semasa peralihan ke Fasa Endemik nanti, orang ramai adalah diingatkan sekali lagi supaya tidak leka dan hendaklah terus mematuhi SOP seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi BruHealth secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis.



Oleh itu, marilah kita sama-sama mendokong hasrat Kerajaan supaya kita semua sentiasa bekerjasama dan berjaga-jaga dalam mematuhi dasar, undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan untuk sama-sama mengawal wabak penyakit COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Pihak Kerajaan sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan kepada semua agensi termasuk orang awam atas berkat kerjasama mereka dalam sama-sama mematuhi garis panduan kesihatan selama ini. Marilah kita terus berdoa dan sama-sama berusaha di samping bertawakal kepada Allah *Subhaanahu Wata'ala* supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19. **'Bersama Melindungi Negara Kitani'**.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

7 Jamadilawal 1443
12 Disember 2021



MEDIA STATEMENT

ANNOUNCEMENT OF UPDATED GUIDELINES DURING THE ENDEMIC PHASE

Bandar Seri Begawan, Sunday, 12th December 2021

In support of the titah of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam on the announcement of the Endemic Phase under the National COVID-19 Recovery Framework which will commence on **Wednesday, 10th Jamadilawal 1443 corresponding to 15th December 2021**, the Steering Committee for COVID-19 has convened to set the measures or guidelines for the implementation of the Early Endemic Phase which **will be implemented for one (1) month, starting Wednesday, 15th December 2021 until Friday, 14th January 2022**.

Meanwhile, the movement restriction which was implemented during "Operasi Peralihan", that is, the instruction to stay at home from 10.00 p.m. till 4.00 a.m., **will be extended until Friday, 14th January 2022**.

MEASURES OR GUIDELINES FOR EARLY ENDEMIC PHASE

Measures or guidelines for the Early Endemic Phase are as follows:

1. All individuals are allowed to enter government and private premises, or attend events, regardless of their vaccination status. This is the general requirement for entry into any premises. However,
 - Unvaccinated individuals are required to undergo Antigen Rapid Test (ART), for which the validity period of the test result is two (2) days.
 - Children under 18 years old who have not received or completed their vaccinations are allowed to enter premises without the need for ART testing, provided that they are accompanied by a fully vaccinated adult.



Meanwhile, specific requirements are as follows:

2. For mass and private gatherings, the venue capacity is limited to 75% of premise capacity or not more than 300 persons (whichever is the lesser number).
 - Buffet service during functions and at restaurants is not permitted, except for dome serving, although distribution of take-home packaged meals are encouraged.
3. For mosques, suraus and prayer halls: The Ministry of Religious Affairs will provide further details on the updated guidelines for this matter in due course.
4. For government offices,
 - Open at 75% of office capacity for offices and Government service counters while maintaining their respective Business Continuity Plans (BCP). The capacity limits includes its personnel and general public;
 - Office hours resume to normal working hours, from **7.45 a.m. to 12.15 p.m. and from 1.30 p.m. to 4.30 p.m.**
 - Individuals who have completed their vaccinations are required to undergo biweekly ART testing whereby cost of tests will be borne by the Government;
 - Government personnel who have not received or completed their vaccinations are allowed to return to work at their respective office with the condition that their work does not involve any direct interaction with the public. However, they are required to undergo ART testing, for which the validity period of the test result is two (2) days. The testing costs are as follows:
 - i- Personnel who have received one (1) vaccine dose or are unable to be vaccinated due to medical reasons, the ART testing cost will be borne by the Government; and
 - ii- Personnel who are unvaccinated by choice or for personal reasons are to bear the cost of ART testing personally. They need to undergo an ART test and obtain a negative ART test result certificate through a Ministry



of Health's accredited ART Centre, before entering any Government premise.

- The public – who wish to visit Government offices or service counters – who have not completed their vaccinations are required to show a negative ART test result certificate, for which the validity period of each ART test is two (2) days.

5. For museums, galleries, libraries and activity centres for senior citizens:

- Open at 75% of premise capacity or not more than 300 persons (whichever is the lesser number); and
- Operating hours for museums, galleries and libraries are **8.00 a.m. to 2.00 p.m.**

6. For fitness and recreational facilities/activities:

- All indoor and outdoor sports, fitness and recreational facilities are allowed to operate at 75% of premise capacity or not more than 300 persons (whichever is the lesser number);
- Non-contact sports are permitted;
- Contact sports are allowed for skills training only;
- Sporting matches are not permitted; and
- Face masks should be worn except when engaging in high-intensity activity.

7. For business premises including restaurants, cafés, food courts, cinemas, arcades, indoor playgrounds, beauty establishments (such as hair salons and barbershops), markets and "tamu", sports facilities and music schools:

- Open at 75% of premise capacity or not more than 300 persons (whichever is the lesser number);
- Buffet service during functions and at restaurants is not permitted, except for dome serving, although distribution take-home packaged meals are encouraged; and



- Critical staff at private business offices and manufacturing and processing premises who have not completed their vaccinations are allowed to work on-site, under the condition that they have obtained negative ART test results, for which the validity period of each test result is two (2) days. The staff are also to be placed in areas that are not exposed to the public.

School Sessions

School sessions under the purview of the Ministry of Education and Ministry of Religious Affairs will commence on **Monday, 3rd January 2022**, whereas international schools will resume operations according to their respective school term calendars. Only fully vaccinated students will be allowed to return to their school physically and the subsequent reopening of schools will be implemented in stages, in accordance to the provided guidelines. Further details on this matter will be announced by the Ministry of Education and the Ministry of Religious Affairs in due course.

Cross-border activities

The easing of restrictions on cross-border travel, that is, **the resumption of outbound and inbound travel for non-essential travel via air transportation** will start on **Saturday, 1st January 2022**. The details are as follows:

- For exit-country travel: only citizens and residents of Brunei Darussalam who have completed two (2) vaccine doses between 14 days to six (6) months prior to the date of travel, or those who have received a booster dose beforehand, are permitted for outbound travel without exit-country approval from the Prime Minister's Office. Currently, the booster dose vaccination programme gives priority to frontliners and individuals aged 50 and above, as well as those at high risk, and it will be extended to members of the public who are eligible to receive the booster, starting Friday, 17th December, 2021, *InsyaAllah*.
- Exit travel for citizens and residents of Brunei Darussalam who have not received their vaccination for health reasons for essential travel out of the country can be considered, by applying for exit travel approval from the Prime Minister's Office beforehand.
- For entry travel into Brunei Darussalam, only foreign nationals who have received two (2) doses of a vaccine, that is recognised by the World Health



Organization (WHO), are permitted to enter the country. However, any individual who has received two (2) doses of a vaccine that is not recognised by the WHO can be considered for entry into Brunei Darussalam for essential travel, but are required to obey health requirements as per unvaccinated individuals, such as swab tests and to undergo quarantine;

- All inbound travellers including citizens and residents of Brunei Darussalam who wish to enter the country are required to obtain a negative ART test result, taken not more than 24 hours prior to departure from the country of origin. This is in addition to the condition of obtaining a negative result for a RT-PCR test conducted not more than 48 hours prior to departure from the country of origin. However, every citizen and resident of Brunei Darussalam who is unable to meet this requirement is required to undergo mandatory self-isolation at a designated hotel upon return to this country for a duration determined by the Ministry of Health;
- Travel Health Insurance covering the COVID-19 pandemic from insurance companies registered in Brunei Darussalam is required for every citizen and resident who plans to exit Brunei Darussalam and foreigners who want to enter the country; and
- Brunei Darussalam will begin the Travel Green List during the Early Endemic Phase on a trial basis, initially for four (4) countries, namely Australia, China, Singapore and the United Kingdom, in which foreign nationals from above-mentioned countries will be allowed to enter Brunei Darussalam for non-essential travel. However, these travellers will be required to undergo ART testing on the third (3) day after arriving in the country, at designated ART centres.

Aside from that, inbound travellers are still required to undergo mandatory self-isolation at (1) their residents or hotels (for vaccinated travellers); or (2) declared hotels (for medically-contraindicated unvaccinated travellers).

Meanwhile, suspension of outbound and inbound travel via land and sea ports is still in place.



Further details on this aforementioned topic can be found in the cross-border guidelines that will be issued soon together with all other relevant guidelines.

NEXT PHASES

Subject to monitoring indicators during the implementation of the Early Endemic phase, in particular epidemiological indicators including the number of critical cases; vaccination rates; and bed occupancy rates at isolation centres, the Steering Committee for COVID-19 will make preparations to move into the subsequent phase, whereby control measures will continue to be scaled down to enable us to run our daily lives as we did previously by adapting to the new normal. The implementation of specific guidelines for the next stage will be announced at a later date.

The Government is also taking public concerns into serious consideration over the COVID-19 pandemic during the Transition Phase including the well-being of children and individuals who have not completed their vaccinations. In this regard, the Government has done its best to ensure that suitable measures have been taken to preserve the safety and security of citizens and residents of the country in the interest of creating a peaceful and harmonious environment, that would enable the country to continue to recover and move out of this pandemic while at the same time aiding economic and business recovery, with the hope that there would be minimal disruptions to daily public activities as they resume in stages.

With this announcement it is hoped that sufficient time will be accorded to stakeholders to make logistical preparations prior to the start of these de-escalations, particularly in ensuring adherence to SOPs and guidelines that have been agreed to by the Steering Committee for COVID-19.

During the Endemic Phase, the public is reminded once again not to be complacent and to continue to adhere to SOPs, such as physical distancing, ensuring venue capacity limits, the wearing of facemasks, maintaining cleanliness, and mandatory use of the BruHealth mobile application. Meanwhile, the use of ART prior to entering premises is encouraged.

Let us work hand in hand in supporting the Government's aspiration by maintaining our cooperation and vigilance in adhering to safety protocols, the law, and guidelines that have been issued to control the COVID-19 pandemic in Brunei Darussalam. The Government once again extends its appreciation to all agencies as



well as the public for their collective efforts in adhering to the health guidelines all this while. May we continue to pray, work together, and have faith in Allah *Subhaanahu Wa Ta’ala* that we will be safe from the COVID-19 pandemic. **“Together We Protect Our Nation” (Bersama Melindungi Negara Kitani)**

PRIME MINISTER’S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

7th Jamadilawal 1443
12th December 2021